

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-13 (2016)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengambil tenaga kerja baru dari kalangan kaum India ke dalam sektor awam. Berapakah bilangan dan peratusan penjawat awam dari kaum India yang sedang berkhidmat pada masa sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya menjawab mengenai pengambilan kaum India ke perkhidmatan awam melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), suka saya jelaskan terlebih dahulu mengenai kajian tenaga buruh penduduk Malaysia mengikut kaum atau etnik supaya kita mendapat gambaran yang sebenar mengenai kadar penyertaan tenaga buruh di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar

penyertaan tenaga buruh bagi Bumiputera adalah 65.5%, Cina 67.6%, India 64.1% dan lain-lain 64.1%. Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus. Berdasarkan angka ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat keseimbangan penyertaan tenaga buruh antara kumpulan etnik di Malaysia.

Sementara itu, peratusan penduduk yang bekerja mengikut etnik ialah **Bumiputera 96.4%, Cina 97.7%, India 95.7%** dan lain-lain 95.4%. Kadar pengangguran mengikut etnik pula bagi **Bumiputera ialah 3.6%, Cina 2.3%, India 4.3%**, dan lain-lain 4.5%. Maklumat tersebut menjelaskan bahawa etnik Cina mempunyai kadar penduduk bekerja yang paling tinggi dan kadar pengangguran yang paling rendah, diikuti Bumiputera dan India.

Jika dilihat kadar penduduk bekerja di bawah kategori “Kolar Putih” pula iaitu jawatan pengurus, profesional, juruteknik dan profesional bersekutu, dan pekerja sokongan perkeranian, didapati etnik Cina mempunyai kadar penduduk bekerja “Kolar Putih” yang tertinggi iaitu **46.8%**, diikuti etnik India **39.1%**, Bumiputera **34.8%** dan lain-lain **24.0%**.

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2015 ini memberi **gambaran sebenar kepada kita mengenai keseimbangan penyertaan tenaga buruh di negara ini**, malah bagi kategori tertentu seperti “Kolar Putih”, etnik Cina dan India mempunyai kadar penduduk bekerja yang lebih tinggi berbanding Bumiputera. Oleh yang demikian, kita tidak boleh hanya memberi tumpuan kepada

kadar pengisian pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam sahaja kerana ia boleh menyebabkan gambaran yang tidak tepat mengenai realiti sebenar keseimbangan tenaga buruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **dasar pengambilan pekerja ke dalam perkhidmatan awam oleh SPA adalah berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon.** Semua calon tanpa mengira bangsa atau latar belakang yang memohon apa-apa jawatan akan mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan melalui **persaingan secara terbuka dan adil (*open and fair competition*)**. Hanya **calon yang berkualiti dan menepati syarat dan kelayakan akan dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam.**

Namun kita harus sedar bahawa di sektor swasta, persaingan secara terbuka dan adil tidak berlaku seperti mana yang kita harapkan. Satu kajian bertajuk **“Discrimination Of High Degrees: Race And Graduate Hiring in Malaysia”** (Tahap Diskriminasi: Bangsa dan Pengambilan Graduan di Malaysia) oleh dua pensyarah kanan, Dr Lee Hwok Aun dari Jabatan Pengajian Pembangunan, Universiti Malaya (UM) dan Dr Muhammed Abdul Khalid, Felo Penyelidik di *Institute of Malaysian and International Studies* (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati **kedudukan bangsa seseorang calon lebih diutamakan berbanding kelayakan akademik calon untuk dipanggil temu duga bagi permohonan pekerjaan di syarikat tempatan khususnya syarikat yang dimiliki kaum Cina dan syarikat Antarabangsa di negara ini.**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada JPA, sehingga Jun 2016, pengisian kaum India dalam perkhidmatan awam adalah seramai 64,369 orang atau 4.04% daripada jumlah pengisian keseluruhan.

Manakala, **data pelantikan calon bagi tahun 2016** (sehingga Jun) oleh SPA menunjukkan bahawa kadar calon Cina yang berjaya dilantik ke perkhidmatan awam daripada jumlah calon Cina yang hadir temu duga adalah paling tinggi iaitu 39.79%. Diikuti oleh **calon India 32.76%, Bumiputera Sabah 22.07%, Melayu 17.35%** dan **Bumiputera Sarawak 15.49%**.

SPA sebenarnya telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bersama pemimpin masyarakat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menggalakkan lebih ramai etnik India memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. Program Karnival Kerjaya diadakan di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan kawasan sasaran yang ditetapkan. Sebagai contoh di SJK(T) Alor Gajah, Melaka ; SJK(T) Ladang Rinching, Semenyih; SJK (T) Mentakab, Pahang; SJK (T) Rantau, Negeri Sembilan; dan SJK (T) Serdang, Selangor.

Selain itu, **SPA turut mengadakan program kerjaya bersama Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) di Teluk Intan, Perak; Program Kerjaya SEDIC di Universiti Sains Malaysia; dan Program *Public Sector Is My Choice* anjuran LEAD Malaysia dan SEDIC di Universiti Pendidikan Sultan Idris.**

Kita berharap, pemimpin masyarakat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) akan terus turut serta dan bersama-sama dalam memberi galakan kepada **calon yang berkualiti dan berkelayakan** untuk memohon jawatan di dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 07 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan pihak Kerajaan dalam menetapkan tambang bagi perkhidmatan baru MRT agar ianya berpatutan dan tidak membebankan golongan miskin bandar yang menggunakan perkhidmatan tersebut dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar pengangkutan awam berikut penurunan harga minyak dunia pada masa kini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneliti dan mempertimbangkan pelbagai faktor dalam menentukan kadar tambang pengangkutan awam yang berpatutan, adil dan berdaya saing. Ini adalah penting bagi memastikan kumpulan pengguna sasaran mampu untuk membayar tambang dan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.
2. Tumpuan juga diberikan melalui diskaun tambang yang lebih kepada beberapa kumpulan tertentu seperti kanak-kanak, pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi, golongan OKU dan warga emas. Dalam masa yang sama, harga tambang yang ditetapkan perlu mengambil kira faktor di pihak operator bagi membolehkan pihak operator terus mampan untuk terus menyediakan sistem pengangkutan awam yang baik, berkualiti dan berkesan.
3. Sehubungan itu, kadar tambang yang akan ditetapkan bagi perkhidmatan baru MRT akan turut melalui penilaian dan pertimbangan yang sama dengan mengambil kira analisa kos operasi dengan anggaran hasil kutipan tambang bagi menampung kos tersebut.
4. Sementara itu, meskipun harga bahan api merupakan salah satu faktor utama kos operasi pengangkutan awam, namun ia

bukanlah satu-satunya faktor dalam penetapan harga tambang. Walaupun terdapat penurunan harga bahan api di pasaran, komponen kos operasi lain seperti harga tayar, kos penyelenggaraan dan gaji minimum pekerja turut menyumbang kepada kenaikan kos yang perlu ditanggung oleh operator.

5. Oleh yang demikian, buat masa ini, tidak ada perancangan untuk menurunkan harga tambang pengangkutan awam selaras dengan penurunan harga bahan api di pasaran.

Sekian, terima kasih.